

# Halia hutan rawat kanser

Berupaya mematkan sel tidak normal dalam barah serviks

>>Oleh Siti Nor Hidayatidayu Razali  
idayu@hmetro.com.my

**S**ERDANG: Universiti Putra Malaysia (UPM) menemui teknologi perubatan baru bagi merawat penyakit kanser serviks (pangkal rahim) dengan menggunakan herba semula jadi yang dikenali sebagai lempoyang atau halia hutan.

Penyelidikinya, Dr Ahmad Bustamam Abdul, berkata penemuan membuktikan bahan itu sesuai digunakan untuk merawat pesakit kanser serviks dengan selamat apabila penggunaannya hanya memamatkan sel tidak normal saja.

Katanya, walaupun menggunakan dos yang tinggi ia tidak membahayakan pesakit kerana ia tidak memberi kesan kepada tisu normal manusia.

"Penggunaan Z2 ini juga mengurangkan pelbagai komplikasi yang timbul



**MUJARAB...Dr Ahmad (kiri) menunjukkan ubat kanser serviks sambil diperhati Dr Mohd Saleh.**

pada pesakit kanser yang menjalani rawatan kimoterapi.

"Kami menjalankan kajian ke atas manusia serta model haiwan berpenyakit kanser serviks di makmal bagi kajian aktiviti anti-kanser terutama terhadap pangkal rahim," katanya ketika ditemui pada sidang

media selepas Majlis Promosi Hasil Penyelidikan UPM, di Institut Biosains, semalam.

Hadir sama, Timbalan Naib Canselor Penyelidikan dan Inovasi, Prof Dr Mohd Saleh Jaafar dan Timbalan Pengarah Bahagian Promosi Pusat Pengurusan Penyelidikan,

Prof Madya Dr Samsilah Roslan.

Dr Ahmad Bustamam berkata, menerusi penemuan teknologi bahan semula jadi itu, kos rawatan pesakit kanser ini berkurangan berbanding penggunaan ubatan berasaskan bahan bukan semula jadi termasuk yang diimport yang menelan belanja tinggi.

"Bahan ini menjalani ujian praklinikal haiwan di makmal yang membuktikan ia mampu memberi dos terapeutik tinggi yang selamat serta berupaya membunuh sel kanser sama seperti ubatan anti-kanser komersial lain.

"Bahan semula jadi ini amat stabil sehingga enam bulan dalam larutan air pada suhu bilik dan mampu dikomersialkan sebagai Douches and Suppositories," katanya yang memulakan kajian pada 2002 bersama lima penyelidik lain di universiti berkenaan.